



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

INISIATIF KERAJAAN NEGERI SARAWAK BANTU PELAJAR MEMBAYAR BAKI HUTANG PINJAMAN PTPTN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyambut baik dan merakamkan ucapan penghargaan serta terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak atas keprihatinan menyediakan inisiatif membayar baki hutang pinjaman PTPTN bagi peminjam PTPTN dalam kalangan anak-anak Sarawak.
2. Majlis penyerahan replika cek berjumlah RM12.43 juta daripada Yayasan Sarawak kepada PTPTN melalui Kerjasama Insentif Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Anak Sarawak telah diadakan pada 27 Disember 2023 di Menara PTPTN, Kuala Lumpur. Penyerahan replika cek oleh YBrs. Encik Louis Simon Peter, Timbalan Pengarah Pendidikan Yayasan Sarawak kepada YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN dan telah disaksikan oleh YBhg. Datuk Norliza binti Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir, Pengurusan PTPTN dan Pengurusan Yayasan Sarawak.
3. Pelaksanaan insentif bayaran balik pinjaman PTPTN kepada anak Sarawak merupakan kesinambungan inisiatif Belanjawan Negeri Sarawak tahun 2020. PTPTN dan Yayasan Sarawak telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Kerjasama Insentif Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Anak Sarawak pada 5 Mac 2021. Melalui kerjasama ini, Kerajaan Negeri Sarawak akan membayar sebanyak 30% daripada baki hutang pinjaman PTPTN terkini bagi peminjam yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 30% hutang pinjaman PTPTN mereka.
4. Sejak insentif ini dilaksanakan sehingga Ogos 2023 lalu, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Yayasan Sarawak telah menyalurkan dana berjumlah RM77.99 juta bagi bantuan bayaran balik pinjaman dan manfaat ini telah dinikmati lebih 22,000 peminjam anak-anak Sarawak. Inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak ini membuktikan keprihatinan dan usaha proaktif Kerajaan Negeri dalam memastikan anak-anak Sarawak bebas daripada belenggu hutang.

5. Menurut Datuk Norliza Abd Rahim, Pengerusi PTPTN, “Pada hari ini, Yayasan Sarawak sekali lagi akan menyalurkan peruntukan insentif bayaran balik pinjaman PTPTN kepada anak-anak Sarawak berjumlah RM12.43 juta dan dianggarkan seramai 3,000 peminjam yang layak akan menerima insentif ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak adalah berjumlah RM90.42 juta yang memberi manfaat kepada lebih 25,000 peminjam PTPTN dalam kalangan anak Sarawak. Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Yayasan Sarawak atas komitmen yang diberikan.”

6. “Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Yayasan Sarawak yang terus menyokong usaha PTPTN untuk memastikan peminjam dapat menunaikan tanggungjawab membayar balik. Diharapkan anak Sarawak sentiasa bersyukur dengan insentif ini dan terus menyumbang bakti kepada masyarakat dan Kerajaan Negeri sebagai tanda penghargaan kepada bantuan yang diberikan. PTPTN berharap agar pemberian insentif bayaran balik pinjaman PTPTN kepada anak Sarawak diteruskan lagi pada masa akan datang untuk manfaat anak Sarawak sekali gus membantu merealisasikan impian generasi akan datang dalam pendidikan tinggi,” tambah beliau.

7. Kerjasama strategik yang terjalin antara PTPTN dan Yayasan Sarawak merupakan kolaborasi yang sangat baik dalam memberi impak yang tinggi untuk membantu peminjam sekali gus dapat meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN. Ia juga menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak terus memberi sokongan kepada usaha PTPTN untuk memastikan peminjam dapat menunaikan tanggungjawab membayar balik bagi kesinambungan pinjaman kepada generasi akan datang.

8. Untuk maklumat lanjut, para peminjam boleh menghubungi *Careline* PTPTN melalui talian di 03 - 2193 3000 yang beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan melalui Soalan Lazim di Portal PTPTN.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
27 Disember 2023